



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA KES PERTUSSIS (BATUK KOKOL) DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan situasi semasa kes pertussis (batuk kokol) di Malaysia. Pertussis atau batuk kokol (*whooping cough*) adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria iaitu *Bordetella pertussis*. Bakteria *Bordetella pertussis* yang menyebabkan penyakit ini menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk.

Bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti, namun ia juga boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia terutamanya golongan rentan dan rendah imuniti. Gejala lazim pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh 1 hingga 2 minggu. Ianya boleh berlarutan sehingga 2 bulan.

Tren kes pertussis di Malaysia adalah selari dengan situasi global yang menunjukkan penurunan kes semasa pandemik COVID-19 (2020 - 2021). Bilangan kes pertusis di Malaysia telah menurun dengan mendadak pada tahun 2020 hingga 2021 semasa pandemik COVID-19 berlaku dan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

Pada tahun ini, sehingga 28 April 2023 sebanyak 132 kes Pertussis dengan dua (2) kematian telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Jika dibandingkan bagi tempoh yang sama iaitu sehingga 28 April pada tahun 2019, sebanyak 495 kes dicatatkan (iaitu penurunan sebanyak 73.3%).

Daripada 132 kes pertussis yang dilaporkan, 89 kes (67.4%) adalah warganegara manakala 43 kes (32.6%) lagi merupakan bukan warganegara. Bayi berumur bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 67 kes (50.8%). Kanak-kanak berumur di antara 1 tahun hingga 10 tahun mencatat sebanyak 47 kes (35.6%) dan selebihnya berumur 11 tahun dan ke atas.

Imunisasi merupakan langkah pencegahan pertusis yang berkesan. Di Malaysia, vaksin pertusis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan. Wabak pertussis dalam komuniti boleh dicegah dengan memastikan liputan imunisasi pertussis sentiasa melebihi 95% pada setiap masa.

Berdasarkan situasi semasa, kebanyakan kes pertussis di negara ini adalah dalam kalangan bayi berumur kurang dari 5 bulan yang belum mencapai tahap imuniti optima kerana masih belum lengkap 3 dos primer vaksin pertussis.

Justeru, KKM sedang meneliti keperluan pelaksanaan pemberian vaksin kombinasi Tetanus-Difteria-Pertussis (Tdap) kepada ibu hamil. Ibu hamil yang menerima vaksin pertussis ini dapat melindungi bayi bermula dari dalam kandungan sehingga bayi dapat melengkapkan dos primer vaksin kombinasi enam serangkai seperti Jadual Imunisasi Kebangsaan.

Saya juga ingin maklumkan bahawa KKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibubapa terhadap kepentingan imunisasi seperti berikut:

- i) menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan berkenaan imunisasi dan kepentingan mencegah penyakit cegah vaksin;
- ii) mengadakan hebahan melalui siaran media (konvensional / media sosial);
- iii) menjalankan kerjasama dengan NGO dan badan profesional untuk meningkatkan medium mendekati masyarakat; dan
- iv) bekerjasama dengan badan agama seperti JAKIM untuk meyakinkan masyarakat tentang kepentingan vaksin dari sudut agama

Individu yang bergejala perlu sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin iaitu dengan menutup mulut dan diikuti dengan mencuci tangan bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala pertussis.

DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

3 Mei 2023